

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan merancang untuk memberi subsidi yang serupa dengan skim My30 di Lembah Klang kepada pengangkutan awam seperti Bas Berhenti-henti di Sabah, terutamanya Sandakan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, program pas My30 hanyalah merupakan satu program jangka pendek di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) (subsidi pengangkutan awam My30) untuk tempoh enam bulan sehingga Disember 2020 sahaja. Program sementara ini diperkenalkan antara lain bertujuan menjana pemulihan semula ekonomi susulan pandemik Covid-19 dan mengurangkan beban kewangan yang dialami oleh orang ramai.

Dalam tempoh pelaksanaan program pas My30 ini, program pas My100 dan My50 akan tangguhkan operasinya. Program pas My100 dan My50 hanya akan dimulakan semula mulai Januari 2021.

Sama seperti program pas My100 dan My50, program pas My30 hanyalah untuk kegunaan di Lembah Kelang menerusi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Prasarana Sdn Bhd sahaja (iaitu perkhidmatan LRT, MRT, bas pengantara dan bas henti-henti).

Walau bagaimanapun, pada masa ini, terdapat program subsidi kewangan lain yang diberikan oleh Kerajaan kepada penduduk dan pengguna sistem pengangkutan awam di seluruh Malaysia termasuk di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Program subsidi kewangan ini adalah menerusi program **Dana Sokongan Sementara Bas Henti Henti (ISBSF)** untuk perkhidmatan pengangkutan bas henti-henti yang telah bermula sejak tahun 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dana ISBSF diwujudkan bagi membantu menampung kerugian yang ditampung oleh syarikat pengendali ke atas kos operasi harian berikutan menyediakan perkhidmatan di laluan yang tidak menguntungkan terutamanya di kawasan luar bandar.

Dana ISBSF diwujudkan khas oleh Kerajaan untuk memastikan syarikat pengendali bas henti-henti, terutama di kawasan luar bandar untuk tidak menamatkan perkhidmatan kerana peningkatan kos dan kerugian yang dialami mereka. Selain itu, menerusi program subsidi ini, perkhidmatan bas henti-henti akan dapat diteruskan di kawasan luar bandar bagi membawa manfaat dan kemudahan kepada semua penduduk terlibat.

Pada masa ini, program ISBSF yang dilaksanakan di **Negeri Sabah** adalah melibatkan sebanyak **17 pengendali** dengan implikasi subsidi kewangan Kerajaan berjumlah **RM5.7 juta setahun**. Program ISBSF di **Negeri Sarawak** pula melibatkan **11 pengendali** dengan implikasi subsidi kewangan berjumlah **RM5.6 juta setahun**. Secara keseluruhannya, Kerajaan membelanjakan hampir **RM1 juta sebulan** untuk tujuan subsidi perkhidmatan bas henti-henti untuk manfaat kepada penduduk di kedua-dua negeri berkenaan.

Untuk tempoh masa jangka panjang, Kementerian Pengangkutan sentiasa meneliti permintaan dan keperluan untuk menyediakan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang berkesan dan menyeluruh di Malaysia. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan sedang dalam perbincangan bersama pihak Kementerian Kewangan untuk memperkenalkan program transformasi bas henti-henti (Stage Bus

Service Transformation, SBST) di bandar-bandar utama di seluruh negara. Pada masa ini hanya program SBST hanya disediakan di empat (4) ibu negeri sahaja iaitu di Seremban, Ipoh, Kuala Terengganu dan Kangar. Berdasarkan perancangan Kementerian, program ini akan turut diperkenalkan di Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu dan Kuantan.

Program SBST adalah merupakan satu penambahbaikan ke atas keseluruhan model penyediaan perkhidmatan bas henti-henti di Malaysia. Ianya akan merangkumi elemen sistem perkhidmatan bas yang moden dan efisien seperti menyediakan rangkaian pengangkutan awam yang **mudah, stabil dan bersaling-hubungan** sepanjang hari dengan struktur dan jadual yang mudah difahami, mengguna konsep rangkaian '*hub and spoke*' yang lebih efisien untuk orang ramai tiba ke destinasi, berasaskan model perkhidmatan yang lebih menyeluruh, penggunaan sistem tiket tanpa tunai serta pemantuan perkhidmatan secara dinamik dan atas talian.

Sekian, terima kasih.